

21/05/2001

Cara Castro hadapi kritikan antarabangsa

Mior Kamarul Shahid

BERCAKAP kepada pemberita ketika melawat Menara Berkembar Petronas, 13 Mei lalu, Presiden Fidel Castro menyatakan kehairanannya mengapa Malaysia sering menjadi sasaran kritikan antarabangsa.

Disebabkan negaranya juga sering menjadi bahan kecaman, walaupun dalam konteks yang berbeza, Presiden Cuba itu tidak nampak sebarang alasan munasabah terhadap kritikan yang dilemparkan kepada Malaysia. Beliau tidak nampak keburukan dan cacat-cela negara ini.

Apabila ditanya mengenai pendiriannya, beliau menjawab: "Kita berasa megah kerana menjadi sasaran kritik mereka." Baginya, Barat tidak dapat menerima pandangan dua pemimpin yang mereka anggap sering bertentangan pendapat dengan cara mereka, iaitu Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan beliau sendiri.

Baginya, tidak perlulah terlalu runsing mengenai kritikan mereka asalkan kerajaan dapat membela nasib rakyatnya. Jika kritikan mereka sekadar untuk mengkritik, tidak ada cara lain yang boleh dilakukan melainkan mengambil sikap "masuk telinga kanan, keluar telinga kiri".

Negaranya, Cuba, sudah pun melakukannya tanpa sedikit pun menghiraukan tindakan yang dikenakan, termasuk sekatan ekonomi. Mereka sudah lali dengan teguran dan ancaman.

Apa yang penting, rakyat mereka masih boleh hidup walaupun dipulaukan, terutama oleh Amerika Syarikat. Havana dan bandar lain di Cuba tetap sibuk, malah ramai pelancong yang datang, termasuk rakyat Amerika yang menyeludup masuk tanpa kelulusan imigresen negara mereka. Rakyat Amerika sendiri tidak menghiraukan halangan yang dikenakan.

Hakikatnya, negara Barat tidak mengkritik semua negara. Negara yang menjadi sasaran mereka hanyalah negara yang degil dan tidak mahu mengikut perintah mereka.

Negara yang diikat ekor pula sering mendapat pujian. Mereka boleh datang dan membuka pangkalan tentera atau mendapatkan hasil mahsul di negara berkenaan pada bila-bila masa.

Bagi negara yang sehaluan, mereka sanggup menghantar senjata untuk memusnahkan negara musuh mereka. Di khalayak antarabangsa atau di meja perundingan, mereka berpura-pura menunjukkan keikhlasan kononnya untuk membantu menyelesaikan masalah tetapi sebaik rundingan selesai, mereka mengatur strategi baru untuk memusnahkan negara yang tidak disukai. Keadaan ini sudah berlaku sekian lama dan tidak boleh disembunyikan lagi.

Pemimpin negara yang mengikut telunjuk mereka sudah lama dibisukan kerana terikat dengan syarat ketat yang mereka kenakan. Ingkar bermakna tekanan ekonomi dan politik akan dikenakan.

Jika cuba melawan, nasib rakyat dijadikan pertaruhan. Mereka sudah cukup kajian mengenai negara berkenaan dan perangkap sudah pun dipasang hampir di segala sudut.

Pemimpin penting sudah dijadikan umpan. Percubaan mereka untuk melemahkan Malaysia menerusi ugutan, sudah terbantut. Mereka gagal menyerap ke dalam pentadbiran kerajaan kerana benteng kukuh yang dibina oleh kepemimpinan hari ini.

Apa yang membezakan antara Cuba dan negara ini ialah Malaysia masih memberi reaksi terhadap sebarang kritik yang dilemparkan ke atasnya. Jika kritik terhadap Malaysia mengelirukan, penjelasan perlu diberikan.

Jika fakta mereka tidak tepat, jawapan tepat diberikan. Sekiranya tidak berbuat demikian, negara asing akan menganggap tuduhan mereka itu benar

belaka. Kemudian mereka akan mencari isu baru untuk memburuk-burukkan negara ini.

Memang kita tahu isu memburuk-burukkan negara yang dibenci oleh kuasa asing tertentu, tidak akan selesai. Selagi mereka tidak dapat menakluki negara ini, selagi itulah mereka akan terus mencuba untuk menjejaskan imej pemimpin dan negara ini.

Cuba pula sudah tidak menghiraukan apa juga kritikan ke atasnya. Mereka tidak perlu memberi penjelasan terhadap apa juga kritik. Ia hanyalah hujah yang tidak mampu menyelesaikan masalah rakyat Cuba.

Di Amerika sendiri, apa juga kerajaan yang dibentuk tidak pernah mendapat sokongan padu rakyatnya. Kerajaan negara itu juga mendapat tentangan daripada pembangkang.

Oleh itu, tidak ada sebab mereka mempersoalkan keadaan di negara demokratik yang lain. Apa yang berlaku di negara ini dengan keadaan di negara mereka juga adalah sama.

Tidak semua rakyat semestinya menyokong kerajaan. Mungkin ada peraturan yang dilaksanakan di negara ini tidak menyenangkan mereka, tetapi mereka juga tidak seharusnya lupa bahawa banyak peraturan di negara mereka tidak menyenangkan kita.

Bagi kita, lain tempat, lainlah peraturannya. Budaya antara kita dan mereka juga jauh berbeza. Kita tidak memakai kasut di dalam rumah atau tidur bersama anjing, tetapi bagi mereka, itu perkara biasa.

Apabila masuk ke rumah mereka, kita terpaksa hormat peraturan di rumah mereka walaupun berasa jijik. Kalau di negara ini, mereka perlu buka kasut sebelum masuk ke dalam rumah.

(END)